PROJEK	**CADANGAN PEMBINAAN PROJEK BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT BEAUFORT, SABAH.**
MESYUARAT	Mesyuarat Tapak No. 4
TARIKH	10 Jun 2020 (Rabu)
MASA	10.00 pagi
TEMPAT	Aplikasi Skype (Dalam Talian)

KPKT

MESYUARAT

TAPAK NO.4

MAKLUMAT KONTRAK KERJA

KONTRAKTOR : REMT Utama Sdn Bhd

KONTRAK No : KPKT/CPPP/JBPM/14/15/2019

HARGA KONTRAK : RM 6,305,978.26

TEMPOH KONTRAK : 18 Bulan / 546 Hari

TARIKH MULA KERJA : 12hb November 2019

TARIKH SIAP KERJA : 10hb Mei 2021

Pemilik Bangunan / Pengguna:
Jabatan Bomba & Penyelamat Negeri Sabah
Jalan Lintas Likas,
Beg Berkunci 30,
88990 Kota Kinabalu, Sabah.

Agensi Pelaksana:
Pejabat Wilayah 6,
Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Tingkat 3, Blok C, Bangunan KWSP,
Jalan Karamunsing,
88000 Kota Kinabalu, Sabah

Kontraktor:
REMT UTAMA SDN BHD (*REMT*)
Ground Floor, Lot 20,
Grace Square,
Jalan Pantai Sembulan,
88100 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Arkitek:
NOOR IZWAN ARCHITECT (*NIA*)
K-2-7, Block K, Lorong Metro 4,
Metro Town, Jalan Lintas,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding C&S:
AKTIF FA KONSULT SDN BHD (*AFK*)
Lot 17 & 19, 2nd Floor, Block C,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88859 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding M&E:
JURUTERA PERUNDING INTELEK SDN BHD (*JPI*)
No. 22-2, 2nd Floor, Block D, Lorong Plaza Kingfisher 6, Plaza Kingfisher,
Kuala Inanam Likas,
88400 Kota Kinabalu, Sabah

Perunding Ukur Bahan:
PQS SETIA KONSULT (*PQS*)
Shop No. 1-2, 2nd Floor, Block B,
Damai Plaza Phase 4,
Jalan Damai, Luyang,
88300 Kota Kinabalu, Sabah

SENARAI KEHADIRAN

NAMA	JABATAN/SYARIKAT	NO. TEL
1. En. Jeremy Jeffery (Pengerusi)	CPP/W6/KPKT	088-210153
2. En. Mohd Riza Bin Ali	CPP/W6/KPKT (E)	088-210153
3. En. Muhamad Safarin Yahaya	CPP/W6/KPKT (M)	088-210153
4. En. Effendy Bin Mohd Yamin	CPP/W6/KPKT	088-210153
5. Ar. Noor Izwan Bin Rahim	Noor Izwan Architect (NIA)	012-3218905
6. En. Mohd Ilham Bin Mohd Yousof	Noor Izwan Architect (NIA)	013-2743654
7. En. Terrance Tang	Aktif FA Konsult Sdn Bhd (AFK)	016-9961090
8. Ir. Sherman Bin Daim	Jurutera Perunding Intelek Sdn Bhd (JPI)	019-8602398
9. En. Sharman Sharif	PQS Setia Konsult (PQS)	010-9513639
10. En. Shir Zaman Bin Fazul Rahman	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	017-8636668
11. En. Mark Abraham Markos	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	017-2656779
12. Pn. Sulastri Binti Pongot	REMT Utama Sdn Bhd (REMT)	016-8353423

<table>
<tr><th>BIL</th><th>PERKARA</th><th>TINDAKAN</th><th>TARIKH</th><th>CATITAN</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td>UCAPAN PENGERUSI</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>1.1</td><td>Tuan Pengerusi En. Jeremy Jeffery mengalu-alukan penyertaan semua pihak dalam mesyuarat secara atas talian ini.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.0</td><td>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>2.1</td><td>En. Muhamad Safarin Yahaya dari KPKT mencadangkan Minit Mesyuarat Tapak No.3 bertarikh 10 Jun 2020 disahkan dan cadangan tersebut telah disokong oleh En. Terrance Tang dari Aktif FA Konsult tanpa sebarang pindaan.</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.0</td><td>PERKARA-PERKARA BERBANGKIT</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1</td><td>LAPORAN KEMAJUAN KERJA</td><td></td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.1</td><td>Berdasarkan Laporan Kemajuan Bulanan No.4 yang dibentangkan dalam mesyuarat, REMT melaporkan kemajuan kerja di tapak bina sehingga 9 Jun 2020 seperti berikut:
<table>
<tr><th>Kerja Fizikal (Jadual)</th><th>Kerja Fizikal (Sebenar)</th><th>Maju / Lewat</th></tr>
<tr><td>28.00%</td><td>23.00%</td><td>-5.00%
(24 Hari)</td></tr>
</table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.2</td><td>REMT memaklumkan kerja-kerja yang telah siap dilaksanakan di Tapak sehingga kini adalah:
i) Pad Footing (untuk Blok Utama)
ii) Formwork (untuk Blok Utama)</td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.3</td><td>REMT memaklumkan telah mengambil tindakan untuk menyemak semula dan menambahbaik program Kerja Fizikal serta memperbetulkan graf S-Curve.</td><td>Makluman</td><td>04/02/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.4</td><td>REMT memaklumkan Pejabat Tapak yang telah disiapkan akan ditambah baik pada kekukuhan struktur lantai dalam masa terdekat.</td><td>REMT</td><td>04/02/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.5</td><td>REMT melaporkan Kemajuan Kewangan Projek adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Status Kewangan Dijadualkan</th><th>Status Kewangan Sebenar</th><th>Maju / Lewat</th></tr>
<tr><td>14.84%
RM935,807.17</td><td>5.50%
RM346,828.80</td><td>-9.34%
RM588,978.37</td></tr>
</table></td><td>Makluman</td><td></td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.6</td><td>Tuan Pengerusi meminta agar REMT membetulkan maklumat dan meminda S-Curve kewangan secara bulanan dan dibentangkan dalam setiap mesyuarat.</td><td>REMT</td><td>04/02/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.7</td><td>Berdasarkan laporan kemajuan bulanan yang diedarkan, REMT memaklumkan akan memperbetulkan perkara seperti di bawah:
i) Jadual Pekerja dan Jentera perlu ditambah maklumat jumlah tertinggi, terendah dan purata.
ii) Jadual Laporan Cuaca perlu ditambah dengan penanda hujan lebat dan sebagainya.
iii) Tulisan (font) perlu lebih besar agar mudah dilihat dan dibaca.</td><td>REMT</td><td>04/02/2020</td><td></td></tr>
<tr><td>3.1.8</td><td>REMT melaporkan bahawa bekalan sementara elektrik masih belum mendapat kelulusan daripada SESB sementara bekalan air di Tapak telah diselesaikan.</td><td>REMT</td><td>03/03/2020</td><td></td></tr>
</table>

3.1.9	REMT memaklumkan bahawa tindakan telah diambil ke atas kerja-kerja penanggalan kerb sediada di jalan masuk sementara dan memastikan *turning radius* serta kelebaran di pintu masuk mencukupi.	Makluman		
3.1.10	Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa pihak kontraktor secara automatik akan mendapat EOT (tanpa permohonan) namun tempoh EOT akan dimaklumkan kemudian. Berkemungkinan *work programme* juga akan berubah selepas kontraktor mendapat kelulusan EOT.	W6		
3.1.11	REMT memaklumkan jumlah pekerja yang berada di Tapak adalah seramai 25 orang dan akan menambah jumlah pekerja. Terdapat seramai 8 orang pekerja asing yang sudah menjalani ujian COVID dan didapati negatif.	Makluman		
3.1.12	REMT memaklumkan tarikh penyambungan semula kerja setelah tempoh PKP adalah pada 16 Mei 2020 dan Tuan Pengerusi menegaskan agar setiap pekerja mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan semasa menjalankan kerja.	Makluman		
3.1.13	REMT memaklumkan bahawa peralatan untuk kerja-kerja MLT (Maintain Load Test akan tiba di Tapak esok dan akan dilaksanakan minggu ini.	REMT		
3.2	**PROGRAM KERJA**			
3.2.1	Tuan Pengerusi memaklumkan perkara berkaitan Program Kerja akan dibincangkan pada Mesyuarat Tapak akan datang.	Makluman		
3.2.2	REMT perlu segera menambahbaik dan memperbetulkan Program Kerja yang telah melewati tempoh pengemukaan (3 Bulan dari tarikh L.A) untuk dimuktamadkan dan diserahkan kepada KPKT W6.	REMT	20/12/2019	
3.2.3	Beberapa teguran daripada Tuan Pengerusi ke atas Program Kerja yang masih perlu diperbetulkan oleh REMT adalah seperti berikut: i) Tarikh sebenar mula kerja bagi setiap *task* perlu dinyatakan ii) Sebahagian item sepatutnya dikategori sebagai recurring iii) Setiap item melibatkan kos tidak boleh di tanda sebagai *mile stone*. iv) Setiap *task* perlu berhubung (*link*) dan tempoh perlaksanaan kerja setiap *task* hendaklah tidak melebihi 20 hari.	REMT	04/02/2020	
3.2.4	Tuan Pengerusi menegaskan tentang implikasi sekiranya berlaku kesilapan pada Program Kerja adalah tindakan penamatan kontrak (*termination*) dan Lanjutan Masa (EOT) tidak akan diberikan walaupun layak diterima.	Makluman/ REMT		
3.2.5	Tuan Pengerusi mengingatkan agar REMT mengambil tindakan ke atas setiap isu yang dibincangkan dalam mesyuarat bagi memastikan kelancaran perjalanan projek.	Makluman/ REMT		
3.2.6	Tuan Pengerusi memaklumkan agar bangunan pencawang elektrik SESB diprogramkan untuk siap 6 bulan sebelum tarikh siap kerja asal bagi memastikan kecukupan masa untuk pemeriksaan, pengujian dan kelulusan.	Makluman		
3.2.7	REMT telah menyenaraikan item *Provisional Sum* (Lanskap dan lain-lain) dan *Work Outside Boundary* dalam program kerja.	Makluman		
3.2.8	Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa kerja-kerja Mekanikal dan Elektrikal perlu dijadual untuk bermula lebih awal sebaik perlaksanaan kerja *ground beam*.	Makluman		

3.3	**AUDIT KESIHATAN, KESELAMATAN, KEBERSIHAN DAN SEKURITI**			
3.3.1	REMT memaklumkan telah melantik En Khairi sebagai Penyelia Keselamatan Tapak (*Site Safety Supervisor*) dan sudah memulakan kerja di Tapak pada Jun 2020.	Makluman	04/02/2020	
3.3.2	Tuan Pengerusi meminta Penyelia Keselamatan Tapak (*Site Safety Supervisor*) untuk membuat SOP *Report* secara mingguan sebagai rekod.	Makluman		
4.0	**STATUS KERJA PERUNDING**			
4.1	**ARKITEK**			
4.1.1	NIA memaklumkan masih menunggu kelulusan penuh bagi DP dan BP daripada pihak Majlis Daerah Beaufort (MDB) disebabkan oleh PKP dan menyebabkan kelewatan proses kelulusan.	NIA	03/03/2020	
4.1.2	REMT telah mendapatkan *supplier* (dari Johor) dan akan mengemukakan permohonn kelulusan bahan bagi *Roller Shutter* berdasarkan lukisan perincian NIA pada 17 Jun 2020.	REMT	04/02/2020	
4.1.3	Pihak USB memaklumkan sudah mengesyorkan cadangan calon COW Arkitek dan surat tiada halangan bagi perlantikan telah diserahkan kepada W6. Perlantikan secara rasmi daripada pihak NIA (bermula Julai 2020) akan dibuat sebaik surat diterima daripada W6.	W6 / NIA		
4.1.4	NIA melaporkan bahawa permohonan perubahan kerja bagi percanggahan Lukisan Pembinaan Arkitek dan C&S melibatkan kerja-kerja penambakan di kawasan *Pond* sediada yang dikemukakan kepada pihak USB telah ditolak dan USB memaklumkan permohonan harus dilakukan oleh AFK kepada UKAS.	AFK		
4.1.5	NIA memaklumkan telah mengemukakan cadangan Pelan Lanskap kepada Majlis Daerah Beaufort (MDB) melalui email untuk semakan awal dan pihak MDB memaklumkan pada 9 Jun 2020 bahawa pengemukaan *hardcopy* Pelan Lanskap sudah boleh dikemukakan.	NIA		
4.1.6	Pihak USB meminta NIA kemukakan kelulusan bahan untuk penilaian dan kelulusan. NIA memaklumkan telah kemukakan senarai bahan binaan kepada REMT pada 28 Februari 2020 dan menunggu maklum balas daripada REMT. REMT perlu ambil tindakan segera.	REMT		
4.2	**KEJURUTERAAN AWAM & STRUKTUR**			
4.2.1	AFK mengesahkan kerja *Piling* hanya terdapat pada pembinaan Menara Latihan dan Akses Utama sementara Blok Utama hanya menggunakan *Pad Footing.* AFK telah mengeluarkan surat cadangan tambahan 4 *point* di Blok Utama, REMT perlu ambil tindakan.	REMT	04/02/2020	
4.2.2	AFK mengesahkan telah menerima beberapa senarai bahan berdasarkan skop C&S daripada REMT. Sebahagian telah diluluskan untuk pengesyoran kelulusan dimajukan kepada pihak KPKT dan sebahagian lagi telah diberi maklum balas.	REMT		
4.2.3	AFK melaporkan telah menyerahkan lukisan perincian bagi akses baru ke Kuarters sediada kepada REMT. Anggaran kos telah dipersetujui oleh PQS dan akan diserah kepada KPKT dalam minggu ini.	PQS	04/02/2020	

4.3	**KEJURUTERAAN MEKANIKAL & ELEKTRIKAL**			
4.3.1	JPI melaporkan bahawa pemeriksaan bersama SESB Beaufort pada 5 Februari 2020 berhubung pagging di kedua-dua kases telah dijalankan dan SESB sedang merancang untuk memindah atau mengubah ketinggian tiang serta kabel elektrik.	JPI		
4.3.2	REMT memaklumkan akan memastikan tiang elektrik sediada yang diganti dihantar ke stor MDB. Pihak Bomba meminta REMT untuk memasang semula tiang yang telah dibuka dan lokasi akan ditentukan kemudian.	REMT		
4.3.3	W6 mengesahkan telah menerima sesalinan Lukisan Pembinaan Mekanikal dan Elektrikal bersaiz A3 daripada JPI.	Makluman		
4.3.4	JPI mengesahkan bahawa no plat perlu mendapat kelulusan JPJ. REMT dalam proses mendapatkan pembekal bagi pengesahan *trailer genset*.	REMT	03/03/2020	
4.3.5	JPI memaklumkan permohonan bekalan elektrik (Borang PD9) telah dikemukakan kepada SESB Beaufort pada 14 November 2019 dan kelulusan akan diberikan sebaik pihak SESB menerima salinan kelulusan pelan DP dan BP.	JPI	03/03/2020	
4.3.6	JPI memaklumkan perubahan keatas lokasi bangunan pencawang SESB telah dipersetujui oleh SESB HQ dan surat daripada JPI bertarikh 4 Jun 2020 telah dikemukakan kepada SESB Beaufort untuk tindakan lanjut.	JPI		
4.3.7	PQS memaklumkan bahawa Lukisan Perincian SESB berdasarkan perubahan saiz bangunan kepada 7m x 5m (Kawasan 8m x 6m) daripada JPI telah diterima dan AFK perlu kemuka pindaan Lukisan Struktur bagi pengiraan tambahan kos pencawang SESB.	AFK		
4.3.8	Berhubung kelulusan bahan dan perlantikan sub-con di bawah skop M&E, REMT memaklumkan akan menggunakan profil syarikat sendiri dan akan mengemukakan permohonan dalam minggu ini kepada JPI.	REMT	03/03/2020	
4.4	**UKUR BAHAN**			
4.4.1	REMT melaporkan akan mengemukakan cadangan kos ke atas perubahan kerja (V.O) melibatkan kerja-kerja *new compartment* bagi menggantikan *concrete bench* serta akses baru ke Kuarters sediada untuk semakan lanjut PQS.	REMT/PQS		
4.4.2	JPI memaklumkan telah menyerahkan 15 set Lukisan Kontrak (Mekanikal) kepada Unit Ukur Bahan KPKT pada 18 Mei 2020 bagi tujuan penjilidan Dokumen Kontrak.	Makluman		
4.4.3	Seperti diminta Tuan Pengerusi, PQS mengesahkan 26 hari yang terkandung di dalam Syarat Kontrak sebagai bilangan hari berkerja dan REMT perlu menambahbaik Program Kerja berdasarkan info ini.	Makluman		
4.5	**LAPORAN KAWALAN KUALITI PERUNDING**			
4.5.1	REMT perlu mengemukakan Lukisan *As Built Setting Out* yang disahkan oleh *Surveyor* dan surat pengesahan ke atas penyiapan kerja *Setting Out* untuk disahkan oleh NIA.	REMT	03/03/2020	
4.5.2	Tuan Pengerusi memaklumkan bahawa laporan kawalan kualiti perunding perlu merangkumi aspek kelulusan bahan, status RFI, Lukisan Pembinaan, keputusan pengujian dan laporan perlu dikemukakan kepada KPKT W6 setiap bulan.	Makluman		

5.0	**HAL-HAL LAIN**			
5.1	NIA melaporkan telah mengemukakan surat berhubung pelupusan *Hydrant* sediada kepada Bahagian Operasi Negeri JBPM Kota Kinabalu melalui pos sebagai makluman untuk kemaskini sistem pencegahan.	Makluman		
5.2	REMT memaklumkan akan memastikan 2 tiang lampu jalan dalam kawasan tapak dapat dipindahkan dalam minggu ini.	REMT	03/03/2020	
5.3	REMT mengambil maklum untuk melaporkan kepada JBPM mengenai jumlah kemasukan (kehadiran) pekerja tapak setiap hari bagi tujuan keselamatan dan memastikan kawasan diluar kompaun pembinaan (*hoarding*) adalah kawasan larangan.	Makluman		
6.0	**PENUTUP**			
6.1	Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih dan memohon kerjasama daripada semua pihak supaya mengambil tindakan selanjutnya bagi perkara-perkara yang telah dibincangkan. Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi dan mesyuarat berikutnya akan dimaklumkan kemudian.	Makluman		

MINIT MESYUARAT DICATAT DAN DIREKOD OLEH : **TARIKH :** 29 Jun 2020

.....

Ar. Noor Izwan Bin Rahim
Prinsipal
Noor Izwan Architect

MINIT MESYUARAT DISEMAK OLEH: **TARIKH:**

.....

Jeremy Jeffery Gunis
Penolong Pengarah,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan

MINIT MESYUARAT DISAHKAN OLEH : **TARIKH :**

.....

Mohd Arzaleigh Bin Abd Rahman
Ketua Penolong Pengarah Kanan,
Pejabat Wilayah 6, Cawangan Pelaksanaan Projek,
Bahagian Pembangunan Dan Pelaksanaan Projek,
Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan